

25 FEB 2002

Syed Hamid-Peraturan

PATUHI SYARAT PERJALANAN -- SYED HAMID

PUTRAJAYA, 25 Feb (Bernama) -- Rakyat Malaysia yang hendak ke luar negara hendaklah memastikan bahawa mereka telah memenuhi segala peraturan atau syarat serta dokumen perjalanan negara yang hendak mereka lawati supaya tidak menimbulkan keraguan dan kerumitan.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata ini penting kerana sejak peristiwa 11 Sept pendekatan negara tertentu terutamanya Amerika Syarikat dalam soal keselamatan diberikan keutamaan.

"Ini kerana psikologi mereka (Amerka Syarkat dan negara tertentu) kejadian 11 Sept adalah sesuatu yang amat dahsyat dan tidak pernah terfikir boleh berlaku," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan cek sumbangan sejumlah RM114,000 (US\$30,000) kepada kerajaan Algeria bagi membantu mangsa banjir negara itu di Wisma Putra di sini hari ini.

Cek itu disampaikan kepada Duta Algeria ke Malaysia Rachid Bladehane.

Syed Hamid diminta mengulas mengenai dakwaan seorang rakyat Malaysia Mohd Ridzuan Ramli, 30, yang ditahan selama tiga hari di Lapangan Terbang Antarabangsa Los Angeles selepas pegawai imigresen menjumpai potongan ayat suci Al-Quran padanya.

Dalam kejadian itu selain daripada soal siasat, Ridzuan juga mendakwa telah dilucutkan pakaian manakala visanya dibatalkan serta diarah pulang ke Malaysia dengan segera.

Syed Hamid berkata Wisma Putra akan menyiasat dengan terperinci perkara yang ditimbulkan untuk mengetahui kedudukan sebenar serta berhubung dengan kedutaan Amerika Syarikat di sini mengenai perkara itu.

Beliau berkata sistem pemeriksaan di Amerika Syarikat pada masa kini adalah ketat dan setiap warganegara asing yang hendak memasuki negara itu akan melalui beberapa proses pemeriksaan keselamatan.

"Saya tahu di Amerika sistem pemeriksannya ketat dan saya yang baru balik dari Amerika terpaksa melalui beberapa proses semakan keselamatan termasuk (pemeriksaan) beg, kasut dan diajukan pelbagai soalan.

"Isteri saya yang pakai tudungpun kena buka (tudung), ada jarumpun kena ambil," katanya.

Oleh itu, beliau berkata rakyat Malaysia harus faham apabila hendak pergi ke Amerika dan negara lain akan menghadapi pelbagai pemeriksaan dan diajukan pelbagai soalan.

"Kita kena ambil pendekatan psikologi dan meletakkan diri dalam suasana yang serupa (ketakutan selepas mengalami serangan).

"Untuk mengelakkan kemarahan atau perasaan tidak senang, cara terbaik ialah pastikan kita mengikuti segala peraturan dan kita tidak menimbulkan keraguan atau syak wasangka yang boleh menimbulkan masalah pada diri kita atau kerajaan," katanya.

Ketika ditanya mengapa Amerika masih bersikap prejudis terhadap Malaysia walaupun telah menyatakan Malaysia berjaya menangani keganasan, Syed Hamid berkata rakyat mesti melihat segala perkara dengan seimbang dan mendapat maklumat serta memastikan mendapat maklumat yang benar daripada kedua-dua belah pihak.

Mengenai sumbangan kerajaan Malaysia kepada Algeria itu, Syed Hamid berkata ia adalah satu tanda simpati kepada bencana alam yang berlaku dan bagi membantu kerajaan Algeria mengatasi masalah yang dihadapi.

Mengikut maklumat kerajaan Algeria, kejadian banjir yang berlaku pada November tahun lepas mengakibatkan kerugian US\$4 bilion dan mengakibatkan 700 orang maut dan menjejaskan kehidupan 1,500 keluarga.

Bladehane pula mengambil kesempatan untuk menyampaikan surat jemputan Prseiden Algeria untuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membuat lawatan rasmi ke negara itu.

"Algeria menganggap hubungan dua hala dengan Malaysia sangat baik dan mempunyai pandangan rantau yang sama dan menganggap adalah penting bagi perdana Menteri melawat Algeria," katanya.

Pada pertemuan itu Bladehane juga mengesahkan kehadiran Algeria pada persidangan keganasan yang melibatkan negara-negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) pada 1-3 April di Kuala Lumpur.

Syed Hamid berkata setakat ini 12 menteri luar negara-negara Islam telah mengesahkan kehadiran mereka.

"Yang penting ialah satu peluang untuk membincangkan hal ehwal semasa yang mempunyai kesan jangka panjang dan untuk menyampaikan pandangan secara terbuka negara-negara Islam melalui perbincangan secara interaktif mengenai isu keganasan, cara mengatasinya dan apa yang dianggap 'terorisme' (keganasan)," katanya.

-- BERNAMA

HS AKT NMO